

28/10/2002

Produk Islam cemerlangkan negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keupayaan Malaysia menghasilkan produk Islam, sama ada perkhidmatan kewangan, mahu pun dalam bentuk produk lain yang tidak bercanggah dengan syarak, wajar dilihat sebagai satu pencapaian penting negara.

Perdana Menteri berkata pencapaian itu termasuklah keupayaan negara mengadakan perkhidmatan Perbankan Islam, Takaful dan Pajak Gadai Islam Skim Ar Rahn, serta produk halal dan produk lain untuk faedah masyarakat.

"Bagaimana pun, produk yang dihasilkan akan dianggap memenuhi objektif pengeluarannya hanya jika ia dapat dimanfaatkan masyarakat yang memerlukannya," katanya dalam perutusan khas dalam buku cenderamata sempena perasmian Minggu Pembangunan Ekonomi Islam (MPEI).

MPEI dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini. Ia yang akan berlangsung sehingga Rabu ini dianjurkan oleh Majlis Pelan Tindakan Pembangunan Ummah.

Dr Mahathir berkata, penganjuran MPEI amat relevan dan akan menjadi wahana bagi mendekatkan produk yang dihasilkan itu dengan bakal pengguna.

Penganjuran ekspo seperti itu juga katanya, boleh mewujudkan jaringan perniagaan di antara usahawan yang terbabit sama ada dari dalam, mahu pun luar negara.

"MPEI juga boleh menjadikan ekspo ini sebagai sebahagian usaha untuk mempromosikan negara kita sebagai pusat pameran produk Islam di rantau ini," katanya.

Beliau berkata, MPEI yang julung kali diadakan sempena Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa itu juga turut membabitkan penganjuran Konvensyen Ar Rahn iaitu produk Islam yang diperkenalkan negara melalui Konvensyen Ar Rahn Serantau, Seminar Kenali Emas serta Pameran Al-Quran Mushaf Malaysia.

Langkah seperti itu jelas Perdana Menteri, membuktikan negara mampu menjadi pengeluar dan peneraju kepada penghasilan produk serta perkhidmatan baru serta tidak hanya menjadi pengguna kepada produk yang dihasilkan oleh pihak lain.

Dalam perutusan khas dalam buku cenderamata sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata penganjuran MPEI dan Ekspo Produk Islam itu boleh menjadi acara tahunan yang penting kepada usaha untuk mempromosikan negara sebagai pusat pameran Produk Islam di rantau ini.

Usaha seperti itu juga katanya, akan memberi impak tersendiri kepada sektor pelancongan negara, terutamanya ia dilaksanakan serentak dengan majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa.

Langkah itu juga kata beliau, mempamerkan keupayaan negara dalam menghasilkan produk inovatif serta memberi faedah kepada masyarakat di negara ini dan dunia amnya.

Sementara itu, dalam ucapan perasmianya, Abdul Hamid berkata, keupayaan negara menghasilkan rangkaian produk Islam, bukan saja akan menjadi tarikan kepada umat Islam terhadap tuntutan agama, malah boleh menjadi pilihan kepada bukan Islam jika terbukti ia memberi manfaat kepada mereka.

Perkembangan yang amat memberangsangkan kata beliau, dicapai dalam sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia, seperti sektor Perbankan, Takaful dan Skim Ar Rahn.

Katanya, dalam sistem perbankan Islam, jumlah pembiayaan melalui sub

produk yang diperkenalkan telah mencecah RM33,164 juta, selaras dengan jumlah aset yang kini mencapai angka RM64,164 juta dan jumlah deposit sebanyak RM52,299 juta.

Sehingga kini juga katanya, terdapat 889,133 pemegang sijil Takaful Keluarga dengan jumlah yang diinsuranskan secara terkumpul RM57,865.7 juta.

"Sementara Skim Ar Rahnul pula berupaya membantu 777,825 anggota masyarakat terutama terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi keperluan modal perniagaan secara kecil-kecilan dan keperluan pendidikan anak-anak mereka dengan jumlah pembiayaan bernilai RM707 juta," katanya.